

21 AUG 2003

Mahathir-Pengeboman

PENGEMBOMAN DI BAITULMAQDIS TIDAK MEMBANTU MANA-MANA PIHAK

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejadian letupan bom di Baitulmaqdis semalam yang membunuh 20 rakyat Israel dan mencederakan lebih 100 orang termasuk 40 kanak-kanak, tidak membantu mana-mana pihak dalam usaha mencari perdamaian di Asia Barat.

Perdana Menteri yang sedih dengan kejadian itu berkata, "Saya dukacita dengannya. Saya rasa ia tidak akan membantu sesiapa."

Tindakan ganas itu tidak akan berakhir jika satu pihak mengebom pihak lain dan pihak yang lain itu pula membalas dengan bom dan ini berterusan.

"Kita bom, lepas tu dia bom kita, kita bom dia, dia bom kita... akhirnya jadi... bunuh di sana sini.

"Tak kira siapa kena bunuh pun kita tak peduli, budak kecil pun kita bunuh. Saya tak tahulah sama ada ini perjuangan Islam ataupun tak Islam," katanya pada sidang media selepas merasmikan bangunan 13 tingkat Menara Kastam Johor yang berharga RM34 juta di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai kejadian penyerang berani mati Palestin meletupkan diri dalam sebuah bas yang penuh sesak dengan keluarga orang Yahudi, yang dikatakan mengakibatkan jumlah kematian terbesar di Israel sejak intifada al-Aqsa dilancarkan tiga tahun lalu.

Laporan itu menyebut akibat pengeboman itu Israel membekukan semua hubungan dengan Pihak Berkuasa Palestin dan membatalkan penyerahan dua bandar di Tebing Barat untuk dikawal oleh Palestin manakala Pihak Berkuasa Palestin sendiri memutuskan semua dialog dengan kumpulan militan Hamas dan Jihad Islam.

Ketika ditanya mengenai harapan untuk mencari penyelesaian damai, Dr Mahathir berkata jika ada pihak yang terus melakukan pengeboman seperti itu tentunya pihak yang satu lagi tidak sanggup meneruskan perbincangan.

Beliau berkata walaupun tidak berpuas hati dengan pelan damai yang diusahakan oleh Amerika Syarikat tetapi pelan itu hendaklah dianggap sebagai satu permulaan.

"Kita tak berapa puas hati dengan rancangan damai itu tetapi ia adalah satu permulaan. Kalau kita runding kita boleh dapat lebih.

"Kalau kita pergi bunuh orang siapa nak bercakap dengan kita?" tanya Perdana Menteri.

Mengenai laporan dari Indonesia yang menyebut polis negara itu mengenal pasti beberapa rakyat Malaysia terlibat dalam pengeboman di Bali dan terbaru di Jakarta, Dr Mahathir berkata jika dapat, mereka patut ditangkap.

Katanya, rakyat Malaysia yang melakukan kesalahan jenayah di mana-mana negara sekalipun tertakluk kepada undang-undang negara berkenaan.

"Jika mereka lakukan jenayah di negara lain mereka tertakluk kepada undang-undang negara itu," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY PR